

HASiL/2026/03/18 -21

**PEMBAYAR CUKAI TIDAK PERLU MENGEMUKAKAN PINDAAN BORANG
CUKAI BAGI KESILAPAN PENANDAAN “CUKAI DITANGGUNG OLEH
MAJIKAN”**

CYBERJAYA, 18 MAC 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) mengambil maklum bahawa terdapat pembayar cukai individu yang telah menandakan ruangan **“Cukai ditanggung oleh majikan” (Tax borne by employer)** secara tidak sengaja semasa mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2025 dan menyebabkan bayaran balik lebih cukai masih belum diterima.

HASiL telah melaksanakan semakan dan mengenal pasti kes yang terlibat. Bagi kes yang disahkan sebagai kesilapan penandaan, bayaran balik lebih cukai akan diproses secara berperingkat oleh HASiL. Sehubungan itu, pembayar cukai **tidak perlu mengemukakan pindaan BNCP Tahun Taksiran 2025** bagi membetulkan penandaan tersebut.

HASiL ingin menegaskan bahawa sistem pemprosesan bayaran balik cukai dilaksanakan secara automatik berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pembayar cukai dalam BNCP. Oleh itu, ketepatan maklumat yang diisikan adalah penting bagi memastikan proses bayaran balik dapat dilaksanakan dengan lancar dan tanpa sebarang kelewatan.

HASiL komited untuk terus memastikan pengurusan bayaran balik cukai dilaksanakan secara adil, telus dan berintegriti, selaras dengan usaha berterusan memperkukuh kecekapan pentadbiran percukaian negara.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 18 Mac 2026